

SOALAN NO: 17

kerana lokasinya yang agak terpencil dan tidak mempunyai jaringan infrastruktur komunikasi terutamanya jaringan gentian optik yang diperlukan bagi penyediaan liputan jalur lebar yang berkualiti dan berkelajuan tinggi. Dalam hal ini, penyediaan liputan di kebanyakan kawasan luar bandar perlu menggunakan teknologi satelit selaku *backhaul* yang tidak menjamin kualiti dan keupayaan liputan jalur lebar yang stabil di samping kos operasinya yang tinggi.

Selain itu, kebanyakan kawasan luar bandar juga tidak mempunyai bekalan kuasa elektrik kekal yang diperlukan di setiap stesen pemancar. Sebagai alternatif, penggunaan generator set perlu digunakan bagi membekalkan kuasa elektrik namun di masa yang sama ianya terdedah kepada perbuatan vandalisme dan kecurian yang akhirnya secara tidak langsung memberi kesan kepada kualiti dan ketersediaan perkhidmatan jalur lebar kepada pengguna.

Pihak Kerajaan sentiasa giat berusaha bagi memperluaskan jaringan infrastruktur jalur lebar di kawasan-kawasan luar bandar secara berperingkat bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar yang disediakan melalui beberapa inisiatif seperti Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang kini berada dalam peringkat pelaksanaan.

Melalui program USP, menara-menara baharu juga turut dibina di samping kerja-kerja penaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G/4G dengan teknologi gentian optik di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pendalaman yang sedang dijalankan secara berperingkat.

Pihak Kerajaan percaya segala inisiatif-inisiatif ini akan mampu menangani masalah mutu perkhidmatan apabila ianya siap kelak.